

TARIKH: 15/6/23  
SURAT KHBAR: Berita Harian  
MUKA SURAT: 22

Khamis, 15 Jun 2023 BH

Nasional

22

# Balu imam terima faedah PERKESO

## Keluarga arwah Abdullah Azzam diberi pencen penakat RM2,062 sebulan

Oleh Mahaizura Abd Malik  
bhnews@bh.com.my

**Subang Jaya:** "Dua minggu sebelum arwah suami meninggal dunia, saya perasan dia tidurkan anak, sedangkan sebelum ini saya buat tugas itu.

"Tak sangka rupanya dia hendak pergi meninggalkan kami," kata Nor Azira Ruzmi.

Nor Azira, 30, adalah isteri Abdullah Azzam Fathulrahim, 32, pengurus merangkap Imam 1 Masjid al-Ikhlas, Seksyen 13, Shah Alam, yang meninggal dunia akibat gumpalan salur darah di otak pada 1 Jun lalu.

Suri rumah itu berkata, dia reda menerima ketentuan Allah serta menganggap pemergian suaminya, ada hikmah tersendiri.

"Memang sejak awal didiagnos penyakit ini pada Februari 2019, doktor memberitahu suami berisiko tinggi.

"Dia sempat menjalani lima kali rawatan radioterapi, tetapi keadaannya semakin merosot sehingga terpaksa ditudurkan 29 Mei lalu sebelum kami sekeluarga sepakat menanggalkan mesin bantuan pernafasan atas nasihat doktor selepas otaknya disahkan mati.

"Memang sedih. Tetapi saya reda. Ini mungkin yang terbaik buat arwah suami kerana saya tak sanggup tengok dia menderita," katanya ditemui ketika menerima kunjungan

Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Selangor, Ismail Abi Hashim di kediaman ibu bapanya, di sini, semalam.

Pada kunjungan itu, Ismail menyampaikan Faedah Pengurusan Jenazah bernilai RM2,000 serta pencen penakat untuk Nor Azira dan anaknya RM2,062 sebulan selepas Abdullah Azzam membuat caruman sejak 2017.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Anggerik, Mohd Najwan Halimi.

Nor Azira turut bersyukur bayi lelaki mereka yang seiras suaminya anugerah terbaik Allah yang menjadi pengubat rindu apabila dia terkenangkan lelaki itu.

"Seperti pesan suami, saya perlu kuat ketika dirinya diuji penyakit ini dulu, saya akan terus kuat demi anak kami.

"Cuma kadang-kadang anak meragam kerana mungkin rindu dada (ayah), tetapi saya pujuk dia dengan tunjukkan video suami.

"Saya bersyukur berpeluang jadi isterinya kerana dia memang suami baik, termasuk tak pernah marah atau meninggikan suara dan menyenangkan orang sekelilingnya," katanya.

### Ringankan beban

Mengenai lawatan PERKESO, Nor Azira berkata, dia tidak mengetahui suaminya mencarum dengan agensi berkenaan, namun ber-



Abdullah Azzam Fathulrahim



Najwan dan Ismail (kanan) menyampaikan Cek Faedah Pengurusan Mayat kepada Nor Azira dirumahnya.

(Foto Genes Gulitah/BH)

syukur pemberian itu meringankan bebannya dalam membesarkan anak tunggal mereka.

"Saya mungkin akan bekerja kerana ada sarjana muda multimedia, namun buat masa ini perlu masa kerana anak masih kecil dan perlu mencari orang menjaganya.

"Apapun, saya bersyukur dengan adanya pencen penakat ini ia sedikit sebanyak membantu dan ringankan beban saya terutama

dalam membesarkan anak kami," katanya.

Sebelum ini, kisah pemergian Abdullah Azzam dikongsikan Mohd Najwan menerusi ciapan akaun Twitter miliknya, sehingga ia tular.

Mohd Najwan sifatkan imam muda itu baik, berdedikasi serta pemergian satu kehilangan besar terutama kepada kariah masjid berkenaan.